

Menteri hasrat tingkatkan pendapatan nelayan dalam tiga tahun

SHAMSUL ABDUL GHANI & RIDAUDDIN DAUD

KUALA LUMPUR

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub meletakkan misi untuk membantu meningkatkan pendapatan nelayan dalam masa tiga tahun akan datang.

Menurutnya, antara langkah bakal diambil adalah dengan membanteras pencerobohan kapal nelayan asing dan menghalang kemasukan bot-bot kelas B dan C ke perairan Zon A.

Mengambil contoh ketegasan Indonesia, Salahuddin memaklumkan ekosistem perairan negara itu kembali pulih selepas mereka bertegas menguatkuasakan undang-undang di perairan mereka.

"Inilah cita-cita saya, tiga tahun akan datang nelayan akan dapat meningkatkan pendapatan mereka tapi saya mesti ada keberanian untuk lakukan ini.



Salahuddin, Pengerusi LKIM, Faiz Fadzil serta Abdul Hamid bersama ahli-ahli Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) pada majlis di Kuala Lumpur kelmarin.

Nasib nelayan dibela

"Dalam masa tiga tahun insya-ALLAH kita akan dapati sumber ikan bertambah, membiak dengan baik. Kita akan dapati hanya dengan menggunakan bot-bot kecil, tangkapan nelayan amat lumayan.

"Ia sama seperti mana nela-

yan di Indonesia, negara yang serius dalam menguatkuasakan peraturan di perairan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) ke-34/2019 di sini malam kelmarin.

Tambah Ahli Parlimen Pulaui itu, beliau kini sedang melihat beberapa polisi baharu yang akan dipertimbang untuk dikuatkuasakan dan ia termasuklah menghapuskan penggunaan pukat yang tidak lagi relevan.

Menurutnya, penguatkuasaan terhadap pencerobohan juga perlu dipertingkatkan yang bukan melibatkan isu warga asing sahaja tetapi membabitkan bot kelas C dan B yang masuk ke perairan Zon A.

"Kita mesti bertegas, pukat-pukat ini yang menjahanamkan

“Inilah cita-cita saya, tiga tahun akan datang nelayan akan dapat meningkatkan pendapatan mereka tapi saya mesti ada keberanian untuk lakukan ini.”

- Salahuddin

ekosistem. Saya harap nelayan akan berdiri di hadapan dan belakang saya dalam menguatkuasakan semua ini," ujarnya.

Sementara itu, dalam majlis sama, Nekmat turut menyampaikan sumbangan RM250,000 kepada Tabung Yayasan Nelayan Malaysia (Yanem) yang diserahkan Pengerusi Lembaga Pengarah Nekmat, Abdul Hamid Bahari.

Nekmat juga menandatangani nota kerjasama projek Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI) dan menerima pembiayaan RM3 juta bagi pembinaan Kilang Air Batu Nekmat di Kelantan.

Selain itu, seramai 10 orang mahasiswa yang merupakan anak nelayan diberi Anugerah Pelajar Cemerlang dan menerima wang saku berjumlah RM2,000 setiap seorang dan sijil penghargaan.

Bukan itu saja, Agrobank turut menyampaikan sumbangan zakat fisabilillah sebanyak RM50,000 kepada 100 orang anak nelayan terpilih yang kini sedang menyambung pengajian di peringkat diploma dan ijazah.



Salahuddin (tiga dari kanan) menunjukkan ikan segar yang dibungkus sebagai simbolik perasmian majlis. Turut serta Pengerusi Lembaga Ikan Malaysia (LKIM), Faiz Fadzil (tiga dari kiri) dan Abdul Hamid.



Penerima-penerima yang menerima Anugerah Pelajar Nelayan Cemerlang IPTA 2018 daripada Salahuddin pada majlis berkenaan.

Penyampaian anugerah pelajar cemerlang:

- Seramai 10 orang penerima
- Hadiah wang saku berjumlah RM2,000 seorang dan sijil penghargaan
- Anak-anak ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) kategori 11 (1)
- Pengajian di peringkat ijazah pertama semester dua ke atas
- CGPA 3.5 ke atas

Penyampaian sumbangan zakat fisabilillah daripada Agro bank (zakat pendidikan sebanyak RM50,000):

- Seramai 100 orang anak nelayan yang terpilih (RM500) seorang
- Ahli-ahli PNK
- Pengajian di peringkat diploma dan ijazah pertama